

Banjir ragut 100 nyawa

Puluhan ribu hilang tempat tinggal di Bangladesh, Myanmar


Sinar Harian 18/06/2010 M/S 120

YANGON - Banjir kilat dan tanah runtuh yang disebabkan hujan lebat di wilayah sempadan Myanmar, dan Bangladesh mengorbankan sekurang-kurangnya 100 penduduk manakala puluhan ribu lagi hilang tempat tinggal.

Sekurang-kurangnya 46 orang disahkan terbunuh di Rakhine, Myanmar manakala 55 menjadi korban di Bangladesh akibat hujan lebat melebihi 33 sentimeter, iaitu rekod tertinggi di kawasan berkenaan.

Lebih daripada 12,000 penduduk yang hilang tempat tinggal akibat banjir kilat dan tanah runtuh terpaksa ditempatkan di khemah sementara.

Unit bantuan juga pergi ke kawasan paling teruk dilanda banjir di Teknaf yang menempatkan ratus-



● Beberapa murid melintas jambatan kayu untuk ke sekolah di Insein, Yangon.

an ribu penduduk etnik Rohingya iaitu pelarian dari Myanmar.

Hujan berterusan sejak beberapa hari lalu me-

nyebabkan tanah runtuh yang menghanyutkan pondok-pondok di lereng bukit di Myanmar manakala paras banjir dicatatkan me-

lebih 60 sentimeter.

Jumlah sebenar penduduk terkorban dijangka meningkat apabila usaha mencari diteruskan.